



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## ISRĀĪLIYYĀT DALAM PERIWAYATAN KISAH NABI SULAIMAN AS MELALUI KITAB JĀMI' AL-BAYĀN 'AN TA'WIL AYĪ AL-QURAN

ASMADI BIN ABDUL RAHMAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK MEMENUHI SYARAT  
MEMPEROLEHI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH USULUDDIN

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

V  
ptbupsi

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti riwayat hidup dan keperibadian Nabi Sulaiman berdasarkan al-Quran dan Sunnah, selain menganalisis aspek-aspek Isrāilliyāt kisah Nabi Sulaiman dan metodologi pentafsiran yang terdapat dalam kitab Tafsir Ibn Jarīr al-Tabarī Jāmi' Al-Bayān 'An Ta'wīl Ayī Al-Quran. Reka bentuk kajian ini menggunakan analisis dokumen dengan pendekatan kepustakaan terhadap 365 riwayat. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa Nabi Sulaiman memiliki nilai murni yang membentuk keperibadian yang cemerlang, kebijaksanaan, kepimpinan, keprihatinan Nabi Sulaiman kepada rakyat, keadilan terhadap musuh, serta sentiasa bersedia menghadapi ujian dan menjadikan doa sebagai tanda kebergantungan baginda kepada Allah SWT. Manakala Isrāilliyāt dalam tafsiran kisah Nabi Sulaiman dikenalpasti melalui aspek Isrāilliyāt dalam penamaan sesuatu, penamaan tempat, memperincikan sesuatu bilangan, memperincikan sesebuah kisah, penambahan kisah, yang melampaui keperibadian seorang nabi dan yang melampaui keperibadian malaikat. Selain daripada itu, kajian ini mendapatkan terdapat 12 metodologi telah digunakan oleh Ibn Jarīr al-Tabarī ketika mentafsirkan kisah Nabi Sulaiman. Justeru, implikasi kajian ini menunjukkan Isrāilliyāt adalah suatu sumber serapan Bani Israel yang cuba melemahkan umat Islam daripada mengambil iktibar terhadap setiap kisah yang disampaikan oleh Allah SWT dalam al-Quran.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## ***ISRĀĪLIYYĀT IN THE PROPHET SULEIMAN HISTORY OF LIFE IN THE JĀMI’ AL-BAYĀN ‘AN TA’WIL AYĪ AL-QURAN***

### **ABSTRACT**

This study aims to identify the life history and personality of the Prophet Sulaiman based on the Quran and Sunnah apart from analyzing the aspects of Isrāīlliyyāt's story of the Prophet Sulaiman and the interpretation methodology contained in the book of *Tafsir Ibn Jarīr al-Ṭabarī Jāmi’ Al-Bayān ‘An Ta’wil Ayī Al-Quran*. This study uses a document analysis on 365 history. The findings of the study show that the Prophet Sulaiman has a pure value that creates a brilliant personality, wisdom, leadership, concern for the people, justice against the enemy and always prepare for the test and make prayer as a sign of dependence on Allah SWT. Where as the aspect of Isrāīlliyyāt found in the interpretation of the story of the Prophet Sulaiman is identified by in naming something, in place naming, in detailing a number, in detailing a story, in the addition of the story, in transcends personality of a prophet and in surpasses the personality of angels. In addition, the study found that there were 12 methodologies used by Ibn Jarīr al-Ṭabarī while interpreting the story of the Prophet Sulaiman in the Qur'an. Hence, focusing on the discussion of the pure personality of the prophet Sulaiman prevents from debating the story of Isrāīlliyyāt. The implication of this study shows that Isrāīlliyyāt is a source originated from Bani Israel who try to undermine the Muslims rather than taking lessons on every story presented by Allah SWT in the Qur'an.





## KANDUNGAN

**Muka Surat**

<b>PENGAKUAN</b>	ii
------------------	----

<b>BORANG PENGESAHAN</b>	iii
--------------------------	-----

<b>PENGHARGAAN</b>	iv
--------------------	----

<b>ABSTRAK</b>	v
----------------	---

<b>ABSTRACT</b>	vi
-----------------	----

<b>KANDUNGAN</b>	vii
------------------	-----

<b>JADUAL TRANSLITERASI</b>	xii
-----------------------------	-----

<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	1
-------------------------	---

1.1 Latarbelakang Kajian	1
--------------------------	---

1.2 Permasalahan Kajian	9
-------------------------	---

1.4 Persoalan Kajian	13
----------------------	----

1.5 Matlamat Kajian	14
---------------------	----

1.6 Kajian Lepas	14
------------------	----

1.7 Batasan Kajian	28
--------------------	----

1.8 Metodologi Kajian	29
-----------------------	----

1.9 Rangka Jadual Kerja	31
-------------------------	----

1.10 Kesimpulan	34
-----------------	----

## **BAB 2 SEJARAH DAN PERKEMBANGAN *ISRĀĪLLIYYĀT* DALAM TAFSIRAN AL-QURAN**

2.1 Pendahuluan	35
-----------------	----

2.2 Pengertian <i>Isrāīlliyyāt</i>	36
------------------------------------	----

2.2.1 Dari Sudut Bahasa	37
-------------------------	----





2.2.2 Dari Sudut Istilah	39
<b>2.3 Sejarah Periwayatan <i>Isrāīlīyyāt</i></b>	<b>42</b>
2.3.1 Sebelum Kedatangan Islam	43
2.3.2 Selepas Kedatangan Islam	47
2.3.3 Zaman Para Sahabat	50
2.3.4 Zaman Tabiin	52
2.3.5 Zaman Tabi Tabiin	54
2.3.6 Israiliyyat Kontemporari	56
<b>2.4 Pengkategorian Riwayat <i>Isrāīlīyyāt</i></b>	<b></b>
2.4.1 Periwayatan <i>Isrāīlīyyāt</i> Yang Diterima Dan Selari Dengan Syarak	62
2.4.2 Periwayatan <i>Isrāīlīyyāt</i> Yang Didiamkan Oleh Syarak	69
2.4.3 Periwayatan Israiliyyat Yang Ditolak Dan Bertentangan Dengan Syarak	72
2.5 Hukum Meriwayatkan <i>Isrāīlīyyāt</i>	74
2.6 Sikap Ulama' Tentang Hukum Meriwayatkan <i>Isrāīlīyyāt</i>	82
2.7 Kesimpulan	86

### **BAB 3 RIWAYAT HIDUP & MUKJIZAT NABI SULAIMAN AS.**

3.1 Pendahuluan	91
3.2 Latarbelakang Nabi Sulaiman AS	92
3.3 Keturunan Nabi Sulaiman AS	94
3.4 Ujian Nabi Sulaiman AS	97
3.5. Pembinaan Bantul Maqdis Oleh Nabi Sulaiman AS.	99





3.6.	Kewafatan Nabi Sulaiman AS	101
3.7.	Pewatakan dan Sifat Nabi Sulaiman AS.	103
3.8.	Mukjizat Nabi Sulaiman AS.	117
3.9.	Kesimpulan	129

**BAB 4            BIODATA DAN METODOLOGI IBN JARIR AL-TABARI DALAM PENAFSIRAN AL-QURAN BERKAITAN KISAH NABI SULAIMAN AS**

4.1	Pendahuluan	131
4.2	Nama Dan Gelaran	132
4.3	Kelahiran Dan Kewafatan	133
4.4	Rehlah Ilmu	136
4.5	Guru Dan Murid	140
4.6	Dugaan Yang Dihadapi	142
4.7	Aqidah Dan Mazhab	145
4.9	Penulisan Kitab Tafsir Ibn Jarir Al-Tabari	147
4.10	Metodologi Tafsir Ibn Jarir Al-Tabari Dalam Penafsiran Ayat Berkaitan Nabi Sulaiman As.	149
4.10.1	Mentafsirkan Al-Quran Dengan Al-Quran.	149
4.10.2	Mentafsirkan Al-Quran Dengan Hadis Nabawi	151
4.10.3	Mentafsirkan Al-Quran Dengan Riwayat Daripada Sahabat.	153
4.10.4	Mentafsirkan Al-Quran Dengan Riwayat Daripada Tabi Dan Tabiin.	154
4.10.5	Mengemukakan Riwayat Mengikut Tema	154





4.10.6 Mengemukakan Pandangan Beliau Bagi Mentarjih Sesuatu Riwayat.	155
4.10.7 Memperincikan Sanad Suatu Riwayat	156
4.10.8 Mengemukakan Tafsiran Berdasarkan Perbezaan Qiraat	157
4.10.9 Mengemukakan Penjelasan Fiqh Dalam Isu Terpilih.	158
4.10.10 Menggunakan Sumber <i>Isrāīliyyāt</i>	158
4.10.11 Menyertakan Larangan Perbahasan terhadap Isu Yang Tiada Faedah.	158
4.10.12 Merujuk Kepada Syair Atau Bahasa Arab Klasik.	159
4.11 Kesimpulan	161

## BAB 5           **UNSUR *ISRĀILLIYYĀT* KISAH NABI SULAIMAN A.S DALAM TAFSIR AL-ṬABARĪ**



5.2 Nabi Sulaiman A.S dalam al-Quran	162
5.3 Elemen <i>Isrāīliyyāt</i> Terhadap Kisah Nabi Sulaiman AS Dalam al-Quran.	165
5.3.1 Aspek <i>Isrāīliyyāt</i> Dalam Penamaan Sesuatu	166
5.3.2 Aspek <i>Isrāīliyyāt</i> Pada Penamaan Tempat.	174
5.3.3 Aspek <i>Isrāīliyyāt</i> Dalam Memperincikan Sesuatu Bilangan.	176
5.3.4 Aspek <i>Isrāīliyyāt</i> Dalam Memperincikan Sesebuah Kisah	182
5.3.5 Aspek <i>Isrāīliyyāt</i> Terhadap Penambahan Kisah	222
5.3.6 Aspek <i>Isrāīliyyāt</i> Yang Melampaui Keperibadian Seorang Nabi	247





5.3.7 Aspek <i>Isrāīliyyāt</i> Yang Melampaui Keperibadian Malaikat Dalam Kisah Nabi Sulaiman AS.	253
5.4 Kesimpulan	262
<b>BAB 6 PENUTUP: RUMUSAN DAN CADANGAN 266</b>	
6.1 Pendahuluan	267
6.2 Rumusan Keperibadian Nabi Sulaiman AS Berdasarkan Sumber Rujukan Islam	267
6.3 Sinopsis Kisah Nabi Sulaiman AS Dalam Tafsir Ibn Jarir al-Tabari	271
6.4 Metodologi Kitab Tafsir Ibn Jarir al-Tabari Dalam Kisah Nabi Sulaiman AS	275
6.5 Aspek-Aspek <i>Israiliyat</i> dalam Kitab Tafsir Ibn Jarir al-Tabari	276
<b>6.6 Kepentingan Memelihara Sumber Tamadun Islam 281</b>	
6.7 Pengajaran Dalam Kisah Sulaiman AS	284
6.8 Cadangan	290
6.9 Penutup	293
<b>RUJUKAN 295</b>	





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xii

## JADUAL TRANSLITERASI

<b>Huruf Arab</b>	<b>Huruf Latin</b>	<b>Contoh Asal</b>	<b>Contoh Transliterasi</b>
-------------------	--------------------	--------------------	-----------------------------

ء	,	سَأْلٌ	Sa'ala
---	---	--------	--------

ب	b	بَدْلٌ	Badala
---	---	--------	--------

ت	t	تَمْرٌ	Tamr
---	---	--------	------

ث	th	ثُورَةٌ	Thawrah
---	----	---------	---------



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ح	h	حَدِيثٌ	Hadith
---	---	---------	--------

خ	kh	خَالِدٌ	Khālid
---	----	---------	--------

د	d	دِيْوَانٌ	Diwān
---	---	-----------	-------

ذ	dh	مَذْهَبٌ	Madhhab
---	----	----------	---------

ر	r	رَحْمَنٌ	Rahman
---	---	----------	--------

ز	z	زَمْزَمٌ	Zamzam
---	---	----------	--------

س	s	سَرَابٌ	Sarāb
---	---	---------	-------

ش	Sh/sy	شَمْسٌ	Shams/Syams
---	-------	--------	-------------



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



xiii

ptbupsi

ص	ṣ	صَبْرٌ	Sabr
ض	ḍ	ضَمِيرٌ	Dimir
ط	ṭ	طَاهِرٌ	Tahir
ظ	ẓ	ظَهَرٌ	Zuhr
ع	c	عَبْدٌ	‘abd
غ	gh	غَيْبٌ	Ghayb
ف	f	فَقْهٌ	Fiqh
ق	q	قَاضِيٌّ	Qadi
ك	k	كَأسٌ	ka’s
ل	l	لَبَنٌ	Laban
م	m	مَزْمَارٌ	Mizmār
ن	n	نُومٌ	Nawm
ه	h	هَبَطٌ	Habaṭa
و	w	وَصَلٌ	Waṣala
ي	y	يَسَارٌ	Yasār

### Vokal Pendek

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ó	a	فَعَلٌ	Fa‘ala



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

xiv  
ptbupsii  
uخیسَب  
کُتِبHasiba  
Kutiba

### Vocal Panjang

#### Huruf Arab

ا ، ئ

#### Huruf Latin

ā

#### Contoh Asal

کاتب ، قضی

#### Contoh Transliterasi

Kātib, Qaḍā

ي

ī

کریم

Karīm

و

ū

حروف

Ḥurūf

### SINGKATAN PERKATAAN



05-4506832



SWT

pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SAW

Subhanahu Wa Ta'ala

Salallah Alaihi Wa Salam

RA

Raḍiallah Anhu

AS

Alaihi Salam



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Latar Belakang

Al-Quran merupakan wahyu yang diturunkan oleh Allah SWT melalui Jibril AS kepada



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

Rasulullah SAW secara berperingkat-peringkat. Antara fungsi al-Quran adalah sebagai petunjuk kepada orang-orang Islam yang bertakwa, seperti mana yang dinyatakan dalam firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah, ayat 2:

ذَلِكَ الْكِتَبُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ

Kitab Al-Qur'an ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi pertunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa.

Fungsi al-Quran sebagai panduan hidup kepada orang-orang Islam, pastinya tidak dapat dicapai sekiranya segala isi kandungan serta maksud yang tersurat mahupun yang tersirat tidak dapat mereka fahami sebaiknya. Sejak dari awal lagi, Islam telah menggalakkan umatnya agar memerhati dan memperhalusi setiap ayat al-Quran agar



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



mendapat manfaat daripadanya. Allah SWT telah berfirman dalam Surah Muhammad, ayat 24:

﴿أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْءَانَ﴾ ..... ﴿٢٤﴾

Maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi al-Quran?

Memandangkan al-Quran diturunkan dalam Bahasa Arab, maka orang-orang Arab lebih mudah untuk memahami maksud kandungan al-Quran berbanding umat Islam yang bukan berbangsa Arab, namun disebabkan al-Quran mempunyai gaya bahasa dan balaghah yang sangat tinggi, maka tidak semua maksud al-Quran dapat mereka fahami dengan sebenar-benarnya. Oleh yang demikian, pada awal kedatangan Islam, Rasulullah SAW sendiri telah mentafsirkan kepada para sahabat tentang maksud sebahagian ayat al-Quran yang telah diturunkan bagi mengelakkan salah tafsiran dalam kalangan mereka, seperti mana yang telah dijelaskan dalam al-Quran melalui firmanNya dalam Surah al-Nahl, ayat 44:

﴿وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْذِكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ﴾

Dan Kami pula turunkan kepadamu (wahai Muhammad) al-Quran yang memberi peringatan, supaya engkau menerangkan kepada umat manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka, dan supaya mereka memikirkannya.

Ilmu yang bertujuan untuk menerangkan kepada umat Islam segala maksud dan makna yang terkandung dalam setiap ayat al-Quran telah diistilahkan sebagai Ilmu Tafsir. Justeru untuk memahami maksud sesuatu ayat al-Quran, umat Islam hendaklah





mendalami pengajian ilmu tafsir al-Quran. Perkembangan ilmu tafsir telah bermula pada awal perkembangan Tamadun Islam. Ini dapat dilihat melalui usaha-usaha yang dilakukan oleh ulama Islam yang melahirkan pelbagai karya tafsir yang sangat tinggi nilainya sama ada penerangan dari aspek hukum yang terdapat dalam al-Quran atau tafsiran berdasarkan kepada riwayat-riwayat yang diambil daripada para sahabat, tabii dan tabii tabiin. Hanya melalui kaedah tafsiran al-Quran sahaja sesuatu hukum atau maksud dapat difahami dengan lebih tepat serta memperoleh pengajaran yang tersirat dalam al-Quran khususnya kisah-kisah yang disebut secara umum<sup>1</sup>.

Sarjana Islam telah mengklasifikasikan metode tafsiran al-Quran kepada tiga bentuk iaitu *Tafsīr Bi al-Ma'thūr*<sup>2</sup>, *Tafsīr Bi al-Ra'yī*<sup>3</sup> dan *Tafsīr Bi al-Lughah*<sup>4</sup>. Fokus kajian ini hanya kepada kaedah pentafsiran yang menggunakan *Metode Tafsīr Bi al-Ma'thūr* berdasarkan kitab *Jāmi' al-Bayān Fī Tafsīr Ay al-Qur'ān* yang ditulis oleh Muhammad Ibn Jarīr al-Tabarī (310H).

---

<sup>1</sup> Dr Fahad Ibn Abdul Rahmān Ibn Sulaimān Al-Rūmī (1996), *Buhūth Fī Usūl Al-Tafsīr Wa Manāhijuh*, (Riyāḍ: Maktabah al-Taubah), Hlm: 8.

<sup>2</sup>*Tafsīr Bil-Ma'thūr* adalah kaedah mentafsirkan sesuatu ayat al-Quran dengan menggunakan al-Quran atau riwayat yang diambil daripada Rasulullah SAW atau para sahabat, Tābi'i dan Tābi'i Al-Tābi'i. rujuk :Hafni Bustami (2008), *Metode Nahu Al-Zamakhshari : Analisis Terhadap Penggunaan Dalil Nahu Dalam Tafsir Al-Kashaf*. Jakarta: UIN Syarif Hidayatullah, Hlm 4.

<sup>3</sup>*Tafsīr Bil-Ra'yī* adalah kaedah mentafsirkan sesuatu ayat al-Quran dengan menggunakan akal yang dikenali sebagai ijtihad oleh seseorang setelah memenuhi syarat yang diperlukan untuk menjadi seorang ahli tafsir tanpa wujud pecangahan dengan al-Quran atau hadis.Ibid. hlm. 4.

<sup>4</sup>*Tafsīr Bil-Lughah* adalah keadah tafsiran yang hanya dilihat dari sudut tatabahasa sahaja.





Beberapa ulama yang sezaman dan selepas beliau sangat mengagumi kitab tafsir karangan Ibn Jarīr al-Ṭabarī ini. Menurut pendapat Dr. Muhamad Safa' Syeikh Ibrahim Ḥaq kitab *Tafsīr Ibn Jarīr al-Ṭabarī* adalah ibu segala kitab tafsir yang menggunakan metode *Tafsīr Bi al-Ma'thūr*<sup>5</sup>. Ibn Taimiyyah juga pernah mengatakan bahawa kitab tafsir yang baik berada pada umat Islam kini adalah kitab *Tafsīr Ibn Jarīr al-Ṭabarī*<sup>6</sup>.

Menurut Imam al-Nawāwī, susunan dan penulisan kitab yang dilakukan oleh Ibn Jarīr al-Ṭabarī tidak dilakukan oleh sesiapa sepertinya sehingga kini. Kenyataan beliau ini turut disokong oleh Abū Ḥamīd al-Isfārāyīnī dengan mengatakan bahawa jika seseorang mengembara sehingga ke Negara China sekali pun untuk menuntut ilmu, nescaya tidak menyamai ilmu yang terkandung dalam *Tafsīr Ibn Jarīr al-Ṭabarī*<sup>7</sup>. Menurut al-Zarqānī: antara kelebihan *Tafsīr Ibn Jarīr al-Ṭabarī* ialah beliau memperhalusi setiap sanad yang diambil beliau serta menghimpunkan perkara yang tidak dihimpun oleh ahli tafsir setelah beliau meyakini kesahihan sesebuah riwayat<sup>8</sup>.

Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa kelemahan dalam kitab tafsir tersebut, Antara kelemahan yang paling ketara ialah mengandungi banyak riwayat

<sup>5</sup> Dr. Muhamad Safā' Syeikh Ibrāhīm Ḥaqī (2004), *Ulūm Al-Quran Min Khilāl Muqaddimāt Al-Tāfsīr*, (Beirut: Muassasah Al-Risālah), Jld: 1, Hlm. 273.

<sup>6</sup> Ibn Taimiyyah, Ahmad Bin Abdul Halim ( 1994 ), *Muqaddimah Fī Usūl Al-Tafsīr*, (Beirut: Dār Ibn Al-Hāzim), Hlm 110.

<sup>7</sup>Ramzi Na'na'ah (1970 ), *Al- Isrāiliyyāt Wa Athāruhā Fī Kutub Al-Tafsīr*, (Dimask: Dār al-Qalam). Hlm. 235.

<sup>8</sup> Al-Zarqānī, Muhammad Abd Al-‘Azīz (1988) *Manāhil ‘Urfān Fī ‘Ulūm Al-Qurān* , (Beirut: Dār al-Fikr). Jld. 2, Hlm: 29.





*isrā̄illiyyāt*. Secara umum al-Quran mengandungi kisah-kisah para nabi, umat-umat terdahulu dan kisah-kisah awal penciptaan<sup>9</sup>. Disebabkan kisah-kisah tersebut berlaku sebelum kerasulan Nabi Muhammad SAW, maka ia banyak dirujuk kepada golongan ahli kitab yang telah memeluk Islam bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci. Oleh kerana kitab Taurat dan Injil telah mengalami berbagai-bagai penyelewangan, pertukaran maklumat serta penambahan kandungannya, secara tidak langsung ia mempengaruhi riwayat *isrā̄illiyyāt* yang diambil dari Bani Israil yang telah menganut Islam dan secara tidak langsung juga ia turut memberi kesan terhadap pentafsiran al-Quran yang dilakukan pada ketika itu.

Umumnya *isrā̄illiyyāt* adalah riwayat yang diambil daripada golongan Yahudi dan

Nasrani serta mengandungi kisah umat terdahulu seperti kisah kaum <sup>c</sup>Ad, kaum Thamud,



kisah para nabi seperti kisah Nabi Sulaiman AS. Selain itu, riwayat *isrā̄illiyyāt* juga

banyak menceritakan tentang awal kejadian dan penciptaan seperti kisah bagaimana

malaikat dicipta, penciptaan manusia, kejadian bumi dan sebagainya<sup>10</sup>. Namun,

pengertian *isrā̄illiyyāt* pada masa kini telah diperluaskan lagi kepada setiap penceritaan

yang disandarkan sebagai tafsiran kisah daripada al-Quran, jika didapati tiada

disandarkan kepada dalil sahih, maka ia dianggap sebagai *isrā̄illiyyāt*<sup>11</sup>.

<sup>9</sup> Al-Rūmī , *Buhūth Fī Uṣūl Al-Tafsīr Wa Manāhijuh*,Hlm: 87.

<sup>10</sup> Abdul Rashid Ahmad (2007), *Isrā̄illiyyāt Cerita Ambilan Daripada Bani Israil*, Utusan Malaysia 26 Jun 2007, 17.

<sup>11</sup>Dzahabi, Muhamad Hussain (1996). *Isrā̄illiyyāt Dalam Tafsir Dan Hadis*,Terj: Ahmad Fadilah Sarnap, (Johor Bahru: Percetakan Zafar), Hlm: 19-21.





Pada asasnya hukum meriwayatkan *isrāīliyyāt* adalah diharuskan. Hal ini berdasarkan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah Ibn Amru Ibn al-<sup>c</sup>As yang bermaksud:

قال رسول الله ﷺ : بِلَّغُوا عَنِي وَلَوْ آيَةً، وَحَدَّثُوا عَنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ وَلَا حَرجَ، فَمَنْ كَذَبَ عَلَيَّ كَذْبَةً فَلَيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ

Sampaikan dariku walaupun sepotong ayat, dan riwayatkanlah daripada Bani Israil tiada salahnya. Barang sesiapa yang berdusta terhadapku, akan disediakan tempat duduk di neraka<sup>12</sup>.

Berdasarkan hadis tersebut, keharusan untuk bercerita sesuatu tentang *isrāīliyyāt* adalah bergantung kepada kandungan riwayat tersebut. Jika ia bersifat benar dan disokong oleh hadis-hadis yang sahih<sup>13</sup>, maka harus disampaikan. Sebaliknya jika tiada mendapat sokongan daripada mana-mana sumber yang muktabar, tidak wajar untuk disebarluaskan kerana dikhuatiri ia menjadi satu pembohongan dan membahayakan masyarakat<sup>14</sup>. Hal ini telah diingatkan oleh Abdullah Ibn Mas<sup>c</sup>ud:

لَا تَسْأَلُوا أَهْلَ الْكِتَابِ فَإِنَّهُمْ لَنْ يَهْدُوكُمْ وَقَدْ أَضَلُّوا أَنفُسَهُمْ فَتُكَذِّبُونَ بِحَقٍّ أَوْ تُصَدِّقُونَ بِبَاطِلٍ

Janganlah kamu bertanya ahli kitab, maka sesungguhnya mereka (ahli kitab) tidak membimbing kamu, bahkan mereka telah menyesatkan diri mereka

<sup>12</sup> Al-Bukhārī, Muhammad Ibn Ismā'īl (2002), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Tahqiq: Muhammad Zahir Ibn Nasir, (Dār Tūq al-Najāh), Jld:4, Hlm:170.

<sup>13</sup> Riwayat yang disokong oleh hadis yang sahih seperti kisah tiga lelaki terperangkap dalam gua. Mereka bertawassul dengan kebaikan yang dilakukan untuk membebaskan diri mereka dari kurunga tersebut. Rujuk Al-Hāfiẓ Ahmad Ibn Ḥajar Al-<sup>c</sup>Asqalānī (1989) *Fath Al-Bārī Bi Syarah Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī*, (Beirut. Dār Al-Ma<sup>c</sup>rīfah). Jld. 6. Hlm. 627

<sup>14</sup> Al-Dzahabi, *Isrāīliyyāt Dalam Tafsir Dan Hadis*, Hlm 70-73.





sendiri. Mereka mendustakan perkara yang benar serta membenarkan perkara yang batil<sup>15</sup>

Menurut Ibn Ḥajar :Sanad hadis ini berstatus *hasan*. Hadis ini turut dikeluarkan oleh Sufian al-Thaurī dengan lafaz yang sedikit berbeza<sup>16</sup>.

Mutahir ini, *isrāīlliyyāt* telah dianggap sebagai suatu bentuk penyelewengan dalam pentafsiran al-Quran. Hal ini disebabkan terdapat tafsiran dan huraian al-Quran bersandarkan kepada bentuk riwayat *isrāīlliyyāt* yang karut dan memalukan Islam. Justeru itu, Dr. Yusuf Al-Qardawi telah menyifatkan *isrāīlliyyāt* ini sebagai satu bentuk pencemaran dan jarum beracun yang dibawa masuk ke dalam buku-buku tafsir. Sedikit demi sedikit, *isrāīlliyyāt* ini memenuhi buku-buku tafsir, lalu memberikan gambaran yang tidak tepat terhadap maksud sesuatu ayat<sup>17</sup>.



Malah di Malaysia, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [KKDN] telah menyediakan garis panduan yang dikeluarkan oleh jabatan Kemajuan Islam Malaysia [JAKIM] berkaitan dengan penerbitan bahan bacaan. Antara kriteria utama dalam menentukan kedudukan bahan-bahan bacaan penerbitan berunsur Islam adalah [*Tidak Mengandungi Unsur-Unsur Israilliyyat., Khurafat Dan Kebudayaan Karut*]. Garis

<sup>15</sup> al-Qurtubi, Abu Umar Yusof Ibn Abdullah Ibn Muhamad Ibn Abd al-Bir (1994), *Jami' Bayān Al-'Ilm Wa Fadlihi*, Tahqiq: Abi al-Ashbāl al-Zuhairī al-Syibani, Saudi Arabia: Dar Ibn Jauzī, Jld:2, 804. Ahmad Ibn Hambal (2001), *Musnad al-Imām Aḥmad*, Tahqiq: Syu'ib al-Arnā'ud, (Kaherah: Muassasah al-Risalah), Jld:22, Hlm: 468. Al-Haithamī, *Mujamma' al-Zawāid Wa Munaba' al-Fawāid*, , Jld:1, Hlm: 421. Menurut al-Haithamī hadis tersebut adalah dhaif.

<sup>16</sup> Ibn Hajar Al-Asqalānī, *Fath Al-Bārī Bi Syarah Ṣāḥīh Al-Bukhārī*, Jld. 13, hlm. 259.

<sup>17</sup> Al-Qardāwī, *Kaifa Nata'āmalu Ma'al-Quran Al-Āzīm*, Hlm: 345-349.





panduan ini diterbitkan bertujuan untuk mengekang penularan kisah-kisah *isrā'iliyyāt* yang memberi gambaran tidak baik terhadap kemurnian kisah-kisah dalam al-Quran<sup>18</sup>.

Kajian ini akan memfokuskan riwayat *isrā'iliyyāt* terhadap Nabi Sulaiman AS sama ada berkaitan dengan kisah baginda dalam al-Quran atau berkaitan dengan kehidupan baginda sebagai seorang pemerintah teragung. Hal ini disebabkan Nabi Sulaiman AS merupakan nabi yang diuji oleh Allah SWT dengan dikurniakan kekayaan, kehebatan dan ketaatan oleh pengikutnya berbanding dengan para nabi lain yang kebanyakannya diuji dengan penentangan oleh umat mereka. Adakalanya riwayat *isrā'iliyyāt* yang disampaikan oleh ahli kitab adalah bertujuan untuk mengangkat kedudukan Nabi Sulaiman AS dan ada kalanya riwayat *isrā'iliyyāt* tersebut bertujuan untuk merosakkan



Walaupun umat Islam telah diingatkan agar tidak dipengaruhi oleh riwayat-riwayat *isrā'iliyyāt* ketika menyampaikan tafsiran kisah-kisah al-Quran sama ada dalam bentuk ceramah atau penulisan khususnya yang melibatkan kisah para nabi, namun masih lagi kedapatan penceramah yang menyampaikan perkara tersebut lantaran kekurangan pengetahuan berkaitan dengan permasalahan *isrā'iliyyāt*. Justeru, amat penting untuk dikembangkan penyelidikan yang berkaitan dengan riwayat *isrā'iliyyāt* agar dapat memelihara ketulenan kisah al-Quran di samping dapat mengembangkan pengajaran yang dapat dimanfaatkan oleh seluruh umat Islam. Semoga kajian yang dicadangkan ini dilihat dapat membantu pemurnian semula kisah Nabi Sulaiman AS daripada riwayat *isrā'iliyyāt*.

<sup>18</sup> <http://www.moha.gov.my/index.php/ms/garis-panduan-penerbitan-kdn>





## 1.2 Permasalahan Kajian

Kajian ini bertitik tolak dari masalah berikut :

### 1.2.1 Status Tafsir Ibn Jarīr al-Tabarī

*Tafsīr Ibn Jarīr al-Tabarī* merupakan sebuah kitab tafsir yang hebat sehingga Imam al-Nawawi mengatakan bahawa ‘jika seluruh umat Islam cuba untuk menulis seperti *Tafsīr Ibn Jarīr al-Tabarī* belum pasti akan berjaya’<sup>19</sup>.

Sungguh pun begitu penulisan Ibn Jarīr al-Tabarī masih tidak terselamat daripada unsur riwayat *isrāīlliyyāt* yang perlu diberi perhatian. Ini disebabkan metode penulisan yang telah digunakan oleh Ibn Jarīr al-Tabarī turut mengambil riwayat *isrāīlliyyāt* sebagai sumber tafsirnya. Cerita yang agak spesifik dalam membahaskan perkara umum menyebabkan sebahagian penceramah masa kini menjadikan sumber *isrāīlliyyāt* adalah sumber informatif terkini tanpa membuat pertimbangan tentang kesahihannya terlebih dahulu. Justeru bagi mengelakkan salah anggap masyarakat daripada menjadikan *isrāīlliyyāt* sebagai sumber tafsiran al-Quran yang penting, maka gejala ini perlu dibendung kerana dikuatirkan akan mencemarkan warisan ilmu Islam. Dr Yusuf al-Qardāwī menyatakan bahawa: Sesungguhnya antara yang mencemarkan warisan ilmu umat Islam,

---

<sup>19</sup>Manā‘ al-Qaṭān (1990), *Mubāhis Fi Ulūm Al-Quran*, (Beirut: Mu’assasah Al-Risālah), Hlm: 363.





terutamanya dalam medan tafsir adalah meresapnya *isrāīlliyyāt* dan sukar pula hendak dibersihkan<sup>20</sup>.

### 1.2.3 Pengkisahan Tentang Keperibadian Nabi Sulaiman AS

Antara bahaya *isrāīlliyyāt* terhadap akidah umat Islam adalah disebabkan terdapat riwayat yang memberikan gambaran negatif terhadap keperibadian seorang nabi dan rasul. Contoh riwayat yang ditemui adalah tentang gambaran tindakan Nabi Sulaiman AS terhadap burung Hud-hud jika didapati bersalah. Nabi Sulaiman AS dikatakan bertindak zalim mengazab burung Hud-hud dengan cara mencabut bulu-bulunya, kemudian menjemur sehingga kering sebelum dicampakkan kepada semut-semut untuk dimakan jika didapati berdusta<sup>21</sup>. Gambaran ini sangat keterlaluan dan bertentangan dengan sifat-sifat seorang nabi yang terpelihara daripada bersifat kezaliman.



### 1.2.4 Kesalahan Sumber Kisah Para Nabi dan Rasul

Fokus dan objektif kisah-kisah al-Quran adalah bentuk pengajaran, bukan untuk mengetahui perincian tentang sesuatu kisah. Namun *isrāīlliyyāt* telah memalingkan manusia dari memberikan tumpuan kepada inti kandungan pengajaran kepada unsur-unsur yang tidak bermanfaat. Menurut Dr Ṣolah Abd al-Fatāḥ al-Khālidī “Telah berlaku kesalahan sebahagian pengkaji, penulis dan penceramah dalam kalangan muslimin

<sup>20</sup> Dr Yusuf al-Qardāwī (1996), *Thaqāfah Al-Dāiyyah*, (Kaherah: Maktabah Wahbah). Hlm: 41.

<sup>21</sup> cAbdullah Ibn Umar Ibn Muhammad Ibn Al-Shirāzī (1987), *Anwār Al-Tanzīl Wa Asrār Al-Tanāwil*, (Beirut: Dār Ṣadir), Jld:3 Hlm:110.





terhadap kisah-kisah umat yang lalu dalam al-Quran. Sekalipun dengan niat yang baik, namun mereka telah menyanggahi metodologi yang betul dan lurus dalam mengkaji kisah-kisah tersebut. Mereka telah mempersebahkan kepada para pembaca dan pendengar timbunan daripada pelbagai pendapat, kisah, riwayat dan perincian kisah. Kesemuanya tidak lebih dari kisah-kisah karut, batil dan palsu yang mereka ambil daripada sumber-sumber yang diselewengkan lagi batil, ia adalah *isrāīlliyyāt* dan kisah-kisah ahli kitab<sup>22</sup>. Maka, memaparkan pengajaran dari sebalik kisah-kisah dalam al-Quran merupakan keperluan agar dapat menarik minat umat Islam agar terus menggali khazanah ilmu yang terdapat di dalamnya.

#### 1.2.4 Penyerapan Kisah *Isrāīlliyyāt* Dalam Penceritaan Masyarakat



Antara kisah tauladan yang tersebar dalam masyarakat sehingga hari ini adalah kisah Sang Kancil dan Nabi Sulaiman AS. Sungguhpun kisah ini bertujuan untuk memperlihatkan kecerdikan Sang Kancil namun sandaran kisah yang sering kali mengatakan sesuatu perkara tersebut adalah perintah nabi Sulaiman AS merupakan suatu yang tidak wajar dan mencemar keperibadian seorang nabi. Perkara ini merupakan *isrāīlliyyāt* yang tersebar dalam kalangan masyarakat tanpa disedari. Tiada nas yang sahih menyokong kisah Sang Kancil dengan Nabi Sulaiman, justeru harus dielakkan penyebarannya.

---

<sup>22</sup> Dr Şolah Abd al-Fattâh al-Khâlidî, (1989) *Ma`c Qaṣaṣ Al-Sâbiqîn Fî ̄l-Qurân*, (Dimask: Dâr al-Kalâm). Jld:1, Hlm: 31.





### 1.2.5 Penyerapan Unsur *Isrā'iliyyāt* Dalam Lagu

Terdapat juga judul lagu kumpulan nasyid yang bernama Balqis. Sedangkan jelas dalam surah al-Naml hanya disebut sebagai Puteri Saba'. Sedangkan nama Balqis juga adalah riwayat *isrā'iliyyāt*. Ini disebabkan tiada nas yang sahih dari hadis mengatakan Balqis adalah nama bagi puteri Saba'. Oleh yang demikian ia adalah riwayat *isrā'iliyyāt*. Begitu juga dengan lirik lagu yang mengatakan istana Puteri Saba' telah dipindahkan oleh ifrit. Ini sangat bertentangan dengan al-Quran yang jelas mengatakan bahawa yang memindahkan istana tersebut adalah seorang hamba Allah SWT<sup>23</sup>.

Justeru, kajian ini cuba menganalisis permasalahan *isrā'iliyyāt* terhadap kisah

Nabi Sulaiman AS daripada *Tafsīr Ibn Jarīr al-Tabarī* serta mengupas bentuk pengajaran



### 1.3 Objektif Kajian

Berikut adalah objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini.

1. Mengenal pasti riwayat hidup dan keperibadian sebenar Nabi Sulaiman AS berdasarkan al-Quran, Sunnah dan Kitab Sejarah Islam terpilih untuk memperlihatkan sifat sebenar baginda sebagai seorang nabi.

<sup>23</sup> Surah al-Naml Ayat 40.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

13

2. Menganalisis aspek-aspek *isrāīlliyyāt* dan unsur penyelewengan kisah nabi Sulaiman AS yang terdapat dalam kitab *Tafsīr Ibn Jarīr al-Tabarī*.
3. Menganalisis metodologi Ibn Jarīr al-Tabarī dalam kisah-kisah Nabi Sulaiman AS dalam *Tafsīr Ibn Jarīr al-Tabarī*.

#### 1.4 Persoalan Kajian

1. Bagaimanakah keperibadian Nabi Sulaiman AS berdasarkan al-Quran, Sunnah dan Kitab Sejarah Islam terpilih untuk memperlihatkan sifat sebenar baginda sebagai seorang nabi?



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

2. Apakah aspek *isrāīlliyyāt* yang terdapat dalam kitab *Tafsīr Ibn Jarīr al-Tabarī* terhadap kisah Nabi Sulaiman AS?
3. Apakah metodologi yang digunakan oleh Ibn Jarīr al-Tabarī ketika mentafsirkan kisah-kisah Nabi Sulaiman AS dalam *Tafsīr Ibn Jarīr al-Tabarī*?



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi